

RINGGIT

RAKAN
KEWANGAN
ANDA

OGOS 2015

SENGSARA

kerana berbelanja
melebihi kemampuan

ISSN 2180-3684



9 772180 368003



GABUNGAN
PERSATUAN-PERSATUAN
PENGGUNA MALAYSIA



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sidang Redaksi

Penasihat

YBhg. Prof Datuk Dr. Marimuthu Nadason
Presiden FOMCA

Ketua Sidang Pengarang

Dato' Paul Selva Raj

Editor

Mohd Yusof bin Abdul Rahman

Sidang Pengarang

Siti Rahayu binti Zakaria
Santhosh Kannan

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama di antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA. Ia diterbitkan pada setiap bulan. Untuk memuat turun Ringgit dalam format "PDF", sila layari laman sesawang www.fomca.org.my dan www.bnm.gov.my

Gabungan Persatuan-Persatuan

Pengguna Malaysia

No. 4, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7876 2009
Faks : 03-7877 1076

E-mel : fomca@fomca.org.my
Sesawang: www.fomca.org.my

Bank Negara Malaysia

Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel : 03-2698 8044
Faks : 03-2174 1515

Diurus terbit oleh:

Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)

No. 4, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7875 2392
Faks : 03-7875 5468

E-mel : info@crcc.org.my
Sesawang: www.crcc.org.my

Dicetak oleh:

ٹریڈنگ کمپنی اساس جی ای (ملیسیا) سنڊیرین برحد

Percetakan Asas Jaya (M) Sdn Bhd

No. 5B, Tingkat 2, Jalan Pipit 2
Bandar Puchong Jaya
47100 Puchong Jaya
Selangor Darul Ehsan

Artikel yang disiarkan dalam Ringgit tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Bank Negara Malaysia atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.



SENGSARA

kerana berbelanja melebihi kemampuan

Siti (bukan nama sebenar), berusia pertengahan 30-an, mempunyai kerjaya dengan gaji hampir RM4,000 sebulan. Beliau membuat pinjaman peribadi tanpa berfikir panjang selepas disaran oleh rakan pejabat pada awal kerjayanya.

Pihak bank juga menawarkan kad kredit yang pada mulanya hanya digunakan untuk membayar petrol dan waktu kecemasan sahaja. Oleh kerana mudah untuk membuat pinjaman tanpa perlu ke bank, Siti membuat beberapa pinjaman peribadi dan turut diberi satu kad kredit lagi. Semuanya untuk memenuhi nafsu berbelanja Siti. Akhirnya, tanpa disedari, sebahagian besar daripada gajinya adalah untuk membayar pinjaman bank dan berbaki hanya RM100 sahaja. Siti langsung tidak mempunyai baki gaji jika ditolak bayaran satu lagi pinjaman peribadi yang dia buat bayaran secara terus kepada bank berkenaan serta kad-kad kredit yang dimiliki.

Pinjaman peribadi Siti telah mencecah RM350,000, tidak termasuk hutang kad kredit dan pinjaman perumahan. Tambahan pula, suaminya tidak mempunyai pendapatan tetap dan segala perbelanjaan bergantung pada pinjaman yang dibuat sebelum ini. Siti amat malu dengan ketua di pejabat,

malah rakan sekerja dan pekerja bawahannya apabila bank mula menghubungi pejabat bagi menuntut bayaran.

Siti dipanggil oleh ketuanya dan diberitahu beliau boleh dikenakan tindakan tatatertib sebagai kakitangan awam. Hal beliau dikejar oleh bank sudah diketahui oleh rakan pejabatnya.

Dalam hal ini, Siti telah berbelanja di luar kemampuannya. Siti telah membuat pinjaman bagi memenuhi kehendak dan membeli barangan yang tidak perlu yang menyebabkan hidupnya sengsara disebabkan oleh hutang. Dalam hal seperti ini, tiada siapa yang boleh disalahkan melainkan diri sendiri. Anda perlu memikirkan kesilapan diri yang tidak berhati-hati mengawal perbelanjaan.

Tip:



- 1) Berbelanja menggunakan wang tunai sekiranya anda tidak mampu mengawal nafsu berbelanja. Bawa wang tunai secukupnya. Jangan membawa kad kredit atau kad debit semasa berbelanja.



- 2) Tukar persepsi anda terhadap kad kredit. Kad kredit ialah instrumen bagi memudahkan bayaran dan bukannya instrumen untuk berhutang.



- 3) Utamakan keperluan berbanding kehendak.



- 4) Jika anda berhutang, pastikan hutang tersebut tidak melebihi 40 peratus daripada pendapatan.



- 5) Jika pendapatan RM4,000 sebulan maka peruntukan untuk membayar semua hutang ialah RM1,600 sahaja.

Sumber: Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Pemindahan Baki Kad Kredit: Apakah Manfaatnya?

“Pemindahan baki kad kredit akan memberi manfaat kepada anda sekiranya anda mendapatkan maklumat dan memilih pelan yang sesuai ...”

Kad kredit membolehkan anda membeli barangan atau perkhidmatan tanpa membawa atau menggunakan wang tunai. Apabila anda menggunakan kad kredit, pengeluar kad kredit akan membayar terlebih dahulu kepada syarikat bagi pihak anda dan menghantar bil kepada anda dalam bentuk penyata bulanan.

Anda mungkin mempunyai beberapa kad kredit. Pada masa yang sama, anda mempunyai baki yang belum jelas terhadap kad kredit. Anda mungkin memikirkan apakah langkah yang perlu dilakukan untuk menjelaskan hutang-hutang kad kredit anda.

Mari sama-sama kita ketahui tentang Pemindahan Baki Kad Kredit.

Apakah Pemindahan Baki Kad Kredit?

Pemindahan Baki Kad Kredit ialah pemindahan baki belum jelas dalam akaun kad kredit yang sedia ada kepada akaun kad kredit baru dengan bank baru (atau syarikat kad kredit baru).

Pemindahan baki kad kredit akan memberi manfaat kepada anda sekiranya anda mendapatkan maklumat dan memilih pelan yang sesuai untuk menyelesaikan hutang-hutang anda.

Walau bagaimanapun, anda perlu meneliti beberapa perkara sebelum membuat keputusan mengikuti program Pemindahan Baki Kad Kredit seperti:



a) Kadar faedah rendah

Anda boleh memilih mana-mana bank dan syarikat kad kredit yang menawarkan kadar faedah yang lebih rendah berbanding kadar faedah yang dikenakan oleh bank yang sedia ada.

b) Tempoh tanpa faedah

Banyak syarikat kad kredit yang menawarkan tempoh tanpa faedah kepada pelanggan seperti Pemindahan Baki Kad Kredit (iaitu baki belum jelas dan anda tidak dikenakan faedah untuk tempoh tertentu). Walau bagaimanapun, ia bergantung kepada syarikat kad kredit yang anda pilih dan tempoh tanpa faedah yang ditawarkan mungkin menjangkau beberapa bulan atau beberapa tahun.



c) Menyatukan beberapa akaun kad kredit

Bagi anda yang mempunyai beberapa kad kredit, Pemindahan Baki Kad Kredit membolehkan anda menyatukan akaun-akaun kad kredit anda menjadi satu akaun. Anda mungkin tidak perlu lagi mengingati pelbagai tarikh bayaran dan pelbagai terma dan syarat setiap kad kredit. Jika langkah ini dapat memudahkan anda, maka anda boleh mempertimbangkan untuk memindahkan baki kad kredit anda.

d) Adakah anda dikenakan Yuran Pindahan Baki?

Lazimnya, pindahan-pindahan baki BUKAN PERCUMA. Apabila anda melakukan pindahan baki, syarikat kad kredit baru anda secara lazimnya mengenakan yuran pendahuluan tunai dalam lingkungan 3% daripada jumlah yang ingin dipindahkan. Pastikan anda mempertimbangkan perkara ini – anda mungkin mendapat penjimatan daripada kadar permulaan anda, tetapi menghadapi bebanan daripada yuran pindahan baki anda!



e) Mengurus hutang kad kredit

Secara tidak langsung, proses mencari kadar faedah yang paling rendah dan memilih pelan yang paling sesuai memaksa anda meneliti kedudukan sebenar akaun kad kredit anda. Sekiranya anda buntu bagaimana hendak membayar balik baki yang telah terkumpul selama beberapa tahun, maka Pemindahan Baki Kad Kredit mungkin dapat membantu memulakan penyelesaiannya.

Pastikan anda benar-benar memahami terma dan syarat sebelum mengikuti Program Pemindahan Baki Kad Kredit. Dapatkan maklumat yang tepat daripada pihak syarikat kad kredit dan bank. Setiap syarikat kad kredit dan bank mempunyai terma dan syarat yang berbeza.

Sumber: Diolah daripada artikel Ching, penulis iMoney.my

Melindungi Dana Skim Persaraan Swasta (PRS) Anda

(Bahagian 2)




Dalam artikel bulan Jun yang lalu, kami berkongsi tentang keteguhan rangka kerja PRS yang membentuk asas kepada perlindungan dana-dana PRS. Dalam artikel ini, kita akan meneroka aspek pengurusan pelaburan dana PRS dan bagaimana risiko diuruskan semasa mencari peluang pulangan.

Skim Pelaburan Kolektif (CIS)

PRS menggunakan struktur Skim Pelaburan Kolektif (CIS) yang menggabungkan semua pelaburan bagi PRS ke dalam portfolio aset bagi mencapai mandat dan objektif dana ini. Struktur CIS adalah mudah dan membolehkan orang ramai berkemampuan untuk menyimpan dan melaburkan simpanan persaraan mereka dengan berkongsi dalam aset-aset sandaran menerusi pemilikan unit dalam dana PRS.

Setiap dana PRS ditadbir urus berdasarkan mandat masing-masing dan objektif-objektif yang didokumentasi dalam Dokumen Penzahiran dan Kertas Penerangan Produk yang menegaskan bagaimana dana sepatutnya diurus dan apa aset sandarannya, yang boleh dilaburkan. Dokumen Penzahiran dan Kertas Penerangan Produk dana PRS mestilah mendapat kelulusan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) sebelum dana PRS itu ditawarkan kepada orang ramai.

Selain itu, dana PRS dilindungi dengan batasan jenis pelaburan dan had tumpuan (misalnya pelaburan dalam suatu aset tidak boleh melebihi 10% Nilai Aset Bersih dana) yang meminimumkan risiko dana PRS. Malah, dana PRS juga dipantau ketat oleh pemegang amanah bebas bagi memastikan pengurus-pengurus pelaburan mematuhi sepenuhnya keperluan yang dimandatkan dan had pelaburan dana.



Kepelbagaian Portfolio

Dana PRS dilaburkan dalam pelbagai portfolio aset sandaran (*underlying assets*) sebagaimana digariskan oleh mandat dan objektif pelaburan tersebut. Kepelbagaian ini membantu meminimumkan risiko dan sangat penting bagi melicinkan keadaan risiko tidak bersistematik di dalam portfolio supaya prestasi positif akan meneutralkan yang negatif.

Setiap dana PRS memiliki peruntukan aset sandarannya yang sendiri (seperti saham, bon atau instrumen pasaran wang) bagi menjana potensi pulangan dana. Misalnya, peruntukan aset dana boleh dilaburkan 70% dalam ekuiti dan 30% dalam pendapatan tetap dan instrumen pasaran wang. Tidak ada formula mudah bagi mendapatkan peruntukan aset yang sempurna bagi setiap individu. Dengan mencari imbalan risiko pelaburan berserta pulangan yang tepat mungkin akan menjadikannya lebih bersesuaian mengikut kehendak individu. Dana diuruskan bagi menjana potensi pelaburan, manakala peruntukan aset mempelbagaikan risiko portfolio supaya pelaburan anda tidak diibaratkan seperti “yang dikejar tak dapat, yang dikendong berciciran”. Oleh itu, dana PRS dilaburkan bagi mengoptimumkan pulangan dan menguruskan risiko portfolio dana pada masa yang sama.



Pengurusan Dana Yang Profesional

Dana PRS diuruskan oleh pengurus dana berlesen dan profesional. Tugas mereka ialah menjana potensi pulangan sementara menguruskan risiko dana berdasarkan mandat dan objektif dana. Untuk menjadi pengurus dana, mereka hendaklah dilesenkan oleh SC bagi memastikan mereka memiliki kelayakan dan pengalaman untuk menguruskan dana PRS.

Pengurus dana mempunyai tanggungjawab, pengetahuan pelaburan dan pasaran untuk menguruskan prestasi dana menerusi prestasi aset sandaran yang berhubung kait dengan prospek dan sentimen pasaran. Oleh kerana dana PRS dilaburkan untuk tempoh jangka panjang, pengurus portfolio boleh mengambil pandangan pasaran lebih panjang dalam menguruskan turun naik dan peluang pasaran.

Penggunaan pengurus dana profesional sepenuh masa bagi menguruskan prestasi dana PRS akan memudahkan orang ramai untuk menyimpan dan melabur bagi persaraan mereka, tanpa perlu melakukan penyelidikan sendiri.

Memantau Prestasi Dana

Prestasi pelaburan adalah tertakluk kepada turun naik dan peluang pasaran. Sementara pengurus dana menasaskan untuk mengoptimumkan prestasi dana PRS, adalah penting bagi ahli PRS untuk mengambil tanggungjawab juga dalam memantau prestasi dana mereka.

PPA telah memudahkan bagi ahlinya untuk mengakses prestasi dana PRS yang dimuat turun dan dilaporkan setiap hari oleh penyelidik dana bebas, Morningstar. PPA menggalakkan ahli-ahlinya untuk memantau prestasi dana PRS mereka sekurang-kurangnya setahun sekali bagi menilai pengurus dana mereka.

Meluangkan masa untuk menilai dan memantau dana mereka akan memastikan objektif persaraan berada pada landasan betul dan mengambil langkah pembetulan, jika perlu. Dengan mengambil peranan pro-aktif dalam pemantauan simpanan persaraan anda, saya percaya ia adalah ubat terbaik untuk tidur lena kerana mengetahui segalanya berlaku mengikut rancangan. Dalam artikel akan datang, kami akan berkongsi cara bagaimana ahli-ahli boleh memainkan peranan dalam menambah satu lagi lapisan perlindungan untuk simpanan persaraan bagi mengukuhkan lagi perlindungan wang persaraan mereka. Jumpa lagi.

Dato' Steve Ong adalah CEO Pentadbir Pencen Swasta (PPA), pentadbir pusat Skim Persaraan Swasta (PRS). PPA diberi peranan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia untuk menggalakkan pertumbuhan industri PRS, mewujudkan kesedaran umum dan mendidik orang ramai mengenai penyimpanan persaraan. PPA juga berperanan melindungi kepentingan penyumbang PRS.

PPA mengalu-alukan soalan berkaitan perancangan persaraan. Sila hantar soalan anda kepada askppa@ppa.my



Agensi Pelancongan

Apabila anda ingin pergi bercuti, melantik ejen daripada agensi pelancongan adalah cara yang paling mudah untuk melawat tempat yang anda ingini. Agensi pelancongan dapat mengendalikan pakej pelancongan ke semua destinasi, termasuk membuat tempahan tiket penerbangan domestik dan antarabangsa dengan pelbagai syarikat penerbangan, membuat tempahan tempat penginapan, makan minum dan juga menyediakan pakej umrah serta menziarahi kota suci Mekah dan Madinah (hanya untuk yang beragama islam).

Hal ini kelihatan dapat memberi manfaat dan menjimatkan masa pengguna. Namun begitu, Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC) sering menerima aduan terhadap perkhidmatan agensi pelancongan. Lebih merunsingkan lagi, ramai pengguna membayar wang yang banyak untuk pergi bercuti tetapi tidak mengetahui risiko yang mungkin dialami.

Berikut adalah kes-kes yang diterima oleh NCCC, yang boleh dijadikan panduan kepada pengguna:-

- Mengambil wang daripada pengguna, tetapi tidak menyediakan pakej.
- Pembatalan pakej pelancongan pada saat akhir.
- Tidak membayar balik duit pendahuluan apabila pakej pelancongan dibatalkan.
- Wang yang dikenakan terlalu mahal, tetapi hotel dan kemudahan lain yang disediakan oleh agensi pelancongan tersebut tidak memuaskan. Contohnya, tempat tinggal yang tidak bersih, barang-barang dicuri dan sebagainya.
- Ingin membatalkan pakej kerana sebab-sebab tertentu, sebagai contohnya masalah kesihatan, namun tidak dibenarkan dan agensi enggan memulangkan wang.
- Agensi pelancongan tidak wujud. Mengambil wang daripada pengguna dan apabila pengguna menelefon untuk mendapatkan maklumat mengenai pakej yang dibeli, nombor tersebut tiada dalam perkhidmatan dan agensi pelancongan itu tidak lagi beroperasi.
- Pengguna terpaksa membayar wang yang banyak untuk membatalkan keahlian. Jika pengguna

enggannya membayar, agensi pelancongan akan menghantar surat peguam palsu untuk mengugut pengguna. Mereka juga menelefon rumah dan tempat kerja pengguna tanpa henti semata-mata untuk meminta wang tersebut.


NCCC mendapati terdapat beberapa agensi pelancongan yang ditubuhkan dengan tujuan untuk menipu pelanggan semata-mata. Selepas mengambil wang daripada pengguna, agensi tersebut akan ditutup dan melarikan diri bersama-sama wang pelanggan mereka.

Walau bagaimanapun, bukan semua agensi pelancongan melakukan sindiket seperti ini. Oleh itu, pengguna haruslah bijak dan berwaspada dalam memilih agensi yang berlesen supaya tidak ditipu oleh mereka.

Nasihat untuk anda

Disarankan beberapa cara untuk membantu anda menjadi pelanggan yang bijak apabila melantik agensi pelancongan untuk menguruskan pakej pelancongan:

1. Kaji dengan teliti mengenai agensi pelancongan tersebut sebelum melantiknya.
2. Pengguna boleh mengetahui dengan lebih lanjut mengenai latar belakang agensi pelancongan



tersebut melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Untuk menyemak status, pengguna boleh membuat bayaran sebanyak RM12.00 kepada SSM.

3. Membuat laporan kepada Kementerian Pelancongan Malaysia, Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia dan Polis Diraja Malaysia.
4. Sebarang laporan yang dibuat, jika didapati benar, pembatalan lesen dan amaran keras akan dikenakan kepada agensi pelancongan supaya tidak mengulangi kesalahan, selaras dengan Akta Industri Pelancongan 1992.
5. Senarai lesen pengendalian agensi pelancongan dan pengembaraan boleh didapati di portal rasmi Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.

Berdasarkan lima tindakan yang telah dinyatakan di atas, pengguna haruslah berhati-hati semasa melantik agensi untuk menguruskan pakej pelancongan. Jika tidak, pengguna akan ditipu dengan sindiket tersebut. Oleh itu, jadilah pengguna yang berhemat dan bijak memilih!

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC) di talian 03-7877 9000 atau myAduan@nccc.org.my.



Keliru terima bil tertunggak

Saya hanya menggunakan perkhidmatan telefon bimbit prabayar dan tidak pernah menggunakan telefon pascabayar. Baru-baru ini saya telah menerima bil tertunggak pascabayar. Apakah yang patut saya lakukan?

Pengguna Johor Bharu

Jawapan:

Anda perlu membuat laporan kepada syarikat telco yang menyediakan perkhidmatan berkenaan untuk memberitahu tidak pernah melanggan khidmat pascabayar.

Lebih bagus jika anda menulis surat aduan rasmi menyatakan anda tidak pernah melanggan perkhidmatan pascabayar dan meminta jasa baik

syarikat itu membatalkan perkhidmatan yang anda tidak langgani.

Anda juga boleh membuat laporan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dan Jabatan Perlindungan Data Peribadi untuk tindakan lanjut kerana mungkin ada pihak telah menggunakan data peribadi anda tanpa kebenaran.

Masalah Kewangan Anda

Anda boleh menghantarkan masalah berkaitan kewangan anda kepada
ringgit@crrc.org.my
atau menulis kepada

**Ruangan Masalah Kewangan Anda,
Ringgit,
No 4, Jalan SS 1/22A, Kampung Tunku
47300 Petaling Jaya, Selangor**



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Kad kredit anda telah dipalsukan...

Seseorang telah mencuri identiti anda...

Akaun anda telah disalah guna...

Berwaspada!

Jangan menjadi mangsa **PENIPUAN**.



Berhati-hati dengan panggilan dan mesej palsu daripada mereka yang mendakwa sebagai pegawai Bank Negara Malaysia, bank swasta, penyedia utiliti atau agensi penguatkuasaan.

Ini satu PENIPUAN. Jangan panik. Fikir dahulu.

1

Bank Negara Malaysia **tidak pernah meminta** maklumat peribadi atau maklumat kewangan anda

2

Bank Negara Malaysia **tidak pernah meminta** sesiapa pun memindahkan wang ke dalam akaun pihak ketiga

3

Bank Negara Malaysia **tidak menyimpan** wang orang ramai dalam mana-mana akaun

Jika ada keraguan, sila hubungi

BNMTELELINK (Pusat Panggilan Perkhidmatan Pelanggan)

1-300-88-5465

Faks: 03-2174 1515 E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

Untuk menghantar pertanyaan atau aduan melalui SMS, taip

BNM TANYA
[pertanyaan/
aduan anda]

dan hantar kepada 15888

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk **Amaran Penipuan Kewangan** yang terdapat di laman sesawang Bank Negara Malaysia



www.bnm.gov.my

BNMLINK (Pusat Perkhidmatan Pelanggan)
Bank Negara Malaysia Kuala Lumpur (Blok D, Jalan Dato' Onn, 50480) atau kunjungi mana-mana cawangan BNMLINK di Bank Negara Malaysia: Johor Bahru, Pulau Pinang, Kuala Terengganu, Kota Kinabalu dan Kuching (Waktu urusan: Isnin - Jumaat, 9:00 pagi - 5:00 petang)

Bank Negara Malaysia

Talian Tol : 1-300-88-5465
E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my
Laman sesawang : www.bnm.gov.my

Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia (ABM Connect)

Talian Tol : 1-300-88-9980
E-mel : banks@abm.org.my
Laman sesawang : www.abm.org.my

Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK)

Talian Tol : 1-800-88-2575
E-mel : enquiry@akpk.org.my
Laman sesawang : www.akpk.org.my

Biro Pengantaraan Kewangan (BPK)

Talian am : 03-2272 2811
E-mel : enquiry@fmb.org.my
Laman sesawang : www.fmb.org.my

Sebarang maklum balas sila e-melkan kepada ringgit@crcc.org.my

AWAS DENGAN PENIPUAN INTERNET! ANDA JUGA BOLEH MENJADI MANGSA



TAWARAN
DALAM TALIAN
YANG NAMPAK
MERAGUKAN
MUNGKIN
SUATU PENIPUAN



- ✓ Pastikan kata laluan dan nombor pin anda sukit.
- ✓ Taipkan URL laman web bank terus ke dalam pelayar web.

- ✗ Jangan balas sebarang mesej yang meminta maklumat peribadi atau kewangan.
- ✗ Jangan buka sebarang pautan laman web yang tidak diminta atau meragukan.



Untuk maklumat lanjut,
layari klikdengانبjajak.my



#klikdengانبjajak